



BELAJAR MELABUR

MARI BELAJAR TENTANG RISIKO DAN GANJARAN

MEMAHAMI RISIKO DAN GANJARAN

Melabur wang boleh menjadi suatu yang menyeronokkan terutamanya apabila nilainya berkembang, tetapi anda perlu tahu bahawa ia juga mempunyai risiko dan ganjaran. Tetapi apa sebenarnya maksud istilah ini? Risiko bermaksud kemungkinan berlakunya sesuatu yang tidak dijangka dengan wang anda, manakala ganjaran ialah manfaat yang anda peroleh daripada melabur dengan bijak.

BAGAIMANA RISIKO DAN GANJARAN BERFUNGSI DALAM PELABURAN

Bayangkan melabur seperti menanam benih di taman. Jika anda menanam benih, ada risiko ia mungkin tidak tumbuh dengan baik. Tetapi jika ia tumbuh dengan baik, anda akan mempunyai taman yang cantik. Begitu juga dengan pelaburan—ada kemungkinan anda tidak dapat balik semua wang yang anda laburkan. Walau bagaimanapun, jika pelaburan anda berkembang, anda boleh memperoleh lebih banyak wang dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, jika anda melabur RM50 dalam syarikat mainan baru, terdapat risiko syarikat tersebut mungkin tidak berjaya, dan anda boleh kehilangan wang anda. Tetapi jika syarikat itu mendapat untung, modal RM50 anda boleh meningkat kepada RM100

Jenis pelaburan yang berbeza mempunyai tahap risiko yang berbeza. Sesetengah pelaburan seperti akaun simpanan, mempunyai risiko rendah tetapi ganjaran juga lebih rendah. Lain-lain pelaburan, seperti saham, mempunyai risiko yang lebih tinggi tetapi berpotensi untuk memberi ganjaran yang lebih tinggi.

GARA-CARA UNTUK MENGENAL PASTI RISIKO

PENYELIDIKAN

Sebelum melabur, kaji tentang syarikat atau produk yang anda minati. Lihat sejarahnya dan bagaimana prestasinya pada masa lalu.

PELBAGAIKAN

Jangan letakkan semua telur anda dalam satu bakul. Letakkan wang dalam pelbagai jenis pelaburan untuk mengagihkan risiko anda. Dengan cara ini, jika satu syarikat tidak berjaya, anda masih ada syarikat lain yang mungkin berjaya.

DAPATKAN NASIHAT

Bincang dengan ibu bapa anda atau seseorang yang tahu tentang pelaburan. Mereka boleh membantu anda memahami risiko yang terlibat. Mereka mungkin juga boleh berkongsi cerita tentang pelaburan yang berjaya dan yang tidak.



SOALAN UNTUK DITANYA SEBELUM MELABUR



Apakah tahap
keselesaian risiko
saya?

Berapa lama saya
merancang untuk
melabur?

Apakah matlamat
saya untuk melabur?

Apakah potensi risiko
dan ganjaran untuk
pelaburan ini?

MENDAPAT FAEDAH DARIPADA SIMPANAN

Cara lain untuk mengembangkan wang anda ialah melalui akaun simpanan. Apabila anda menyimpan wang dalam akaun simpanan, bank akan membayar faedah kepada anda, sebagai ganjaran untuk menyimpan wang dengan mereka. Semakin lama anda menyimpan wang dalam akaun tersebut, semakin banyak faedah yang boleh anda peroleh.

Memahami risiko dan ganjaran ialah langkah penting untuk menjadi celik dalam kewangan.

Dengan memahami konsep ini, dan membuat keputusan yang bijak, anda boleh memulakan perjalanan untuk mencapai kebebasan kewangan.

Ingat, tidak mengapa untuk mengambil risiko, selagi anda sedar akan risiko tersebut dan membuat pilihan yang bijak.

Selamat Melabur!